

Penentang Hamid tidak patut ada di mahkamah

B.H. 18 MAR 1992

KUALA LUMPUR, Selasa — Majlis Peguam yang tidak mengiktiraf Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid Omar, sebagai ketua badan kehakiman negara tidak patut ada di mahkamah, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

“*Sehubungan* itu, katanya, Hamid berhak menyuarakan kepada mana-mana peguam yang tidak mengiktirafnya supaya tidak hadir di depannya dalam perbicaraan.

“Itu hak dia (Hamid). Kalau seseorang peguam tidak mengakui Hamid sebagai Ketua Hakim Negara, macam mana hendak bicara depan dia.

“Nampak pelik kalau dia (Majlis Peguam) tidak mengakui Hamid sebagai Ketua Hakim Negara tetapi dia sanggup menjadi peguam dalam kamar Ketua Hakim Negara,” katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian bantuan hari raya kepada anak yatim Islam Wilayah Persekutuan di sini, malam ini.

Ditanya mengenai pendirian Majlis Peguam yang menyatakan ia tidak mengiktiraf Hamid sebagai bukan secara peribadi

tetapi berdasarkan dukannya sebagai ketua badan kehakiman negara, Dr Mahathir berkata, Perlembagaan Persekutuan menggariskan dengan jelas bahawa Ketua Hakim Negara adalah ketua badan kehakiman.

“Mengikut Perlembagaan kita, Ketua Hakim Negara menjadi ketua kehakiman. Macam mana Majlis Peguam tidak mengiktirafnya?” katanya.

Sementara itu, ketika berucap, Dr Mahathir berkata, Malaysia perlu mewujudkan masyarakat yang bukan sahaja penyayang tetapi juga bertanggungjawab serta mampu berdikari tanpa mengharapkan bantuan.

Di majlis itu, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, menyampaikan sumbangan Persatuan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam Wilayah Persekutuan kepada 550 anak yatim.

Dr Siti Hasmah turut menyampaikan sumbangan kepada balu pekerja am Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Allahyarham Samat Mohd Juir, yang meninggal dunia baru-baru ini.